

**SKOP LIPUTAN MAJIKAN YANG TERTAKLUK DI BAWAH JADUAL PERTAMA,
AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD, 2001 (AKTA 612)
BERKUATKUASA 01 APRIL 2017**

SEKTOR	AKTIVITI / SUB-SEKTOR	KELAYAKAN MAJIKAN	LEVI YANG PERLU DIBAYAR
PERKILANGAN (23 sub-sektor)	<i>Pembuatan atau pemprosesan sesuatu barang dengan menggunakan buruh atau mesin atau kedua-duanya, termasuk mengubah bahagian atau komponen kepada barang lain yang mempunyai sifat atau ciri yang berbeza, melalui pengubahan, pengadunan, penghiasan, pengemasan atau selainnya mengawet atau menyesuaikan apa-apa barang atau bahan supaya ia dapat digunakan, dijual, diangkut, dihantar, dilupuskan, termasuk pembinaan kapal atau pemasangan bahagian-bahagian kapal</i>	≥10 pekerja warganegara Malaysia	1% daripada upah pekerja
		5-9 pekerja warganegara Malaysia (DIBERI PILIHAN SAMADA UNTUK BERDAFTAR ATAU TIDAK)	0.5% daripada upah pekerja
PERKHIDMATAN (38 sub-sektor)	<i>Perhotelan, Pengangkutan Udara, Pengendalian Pelancongan (Dalam), Telekomunikasi, Penghantaran Angkutan, Perkapalan, Pos/Kiriman Cepat, Pengiklanan, Komputer, Tenaga, Latihan, Pendidikan Tinggi Swasta, Jualan Langsung, Pelabuhan, Sokongan dan Penyenggaraan Kejuruteraan, Penyelidikan dan Pembangunan, Penggudangan, Keselamatan, Hospital Swasta, Pasar Raya Besar, Pasar Raya & Gedung Serbaneka, Pengangkutan Darat Perdagangan, Pengangkutan Kereta Api, Pembekalan Gas, Wap Dan Pendingin Udara, Perawatan dan Pembekalan Air, Pembentungan, Perkhidmatan Pengurusan Sisa dan Pemulihan Semula Bahan, Penerbitan Wayang Gambar, Video dan Program Televisyen, Rakaman Bunyi dan Penerbitan Muzik, Perkhidmatan Maklumat, Perkhidmatan Pelancongan, Perkhidmatan Bangunan dan Landskap, Perkhidmatan Pengurusan Acara, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Perkhidmatan Sokongan Kesihatan, Francais, Penjualan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor, Perkhidmatan Penyiaran Swasta, Sekolah Memandu, Perkhidmatan Veterinar dan Perkhidmatan Makanan dan Minuman</i>	≥10 pekerja warganegara Malaysia	1% daripada upah pekerja
		5-9 pekerja warganegara Malaysia (DIBERI PILIHAN SAMADA UNTUK BERDAFTAR ATAU TIDAK)	0.5% daripada upah pekerja

SEKTOR	AKTIVITI / SUB-SEKTOR	KELAYAKAN MAJIKAN	LEVI YANG PERLU DIBAYAR
PERLOMBONGAN DAN PENGKUIARIAN (2 sub-sektor)	<p><i>Perlombongan dan pengkuarian, iaitu apa-apa perniagaan atau aktiviti yang melibatkan proses pengekstrakan mineral yang terjadi secara semulajadi sebagai pepejal, cecair atau gas, termasuklah:-</i></p> <p><i>(A) perlombongan batu arang keras dan lignit (batu arang coklat perang), bijih besi, bijih logam bukan besi atau mineral kimia dan baja;</i></p> <p><i>(B) perlombongan atau pengkuarian bahan pelelas, asbestos, mil fosil bersilikon, grafit semulajadi, steatite (talkum), batu permata, asphalt semulajadi, asfaltit dan batu berasfalt, bitumen pepejal semulajadi, kuartza dan mika;</i></p> <p><i>(C) pengekstrakan minyak petroleum mentah, syal bitumen atau syal minyak dan pasir tar, gas asli, kondensat, hidrokarbon cecair, metana, etana, butana atau propana;</i></p> <p><i>(D) pengekstrakan dan penggumpulan tanah gambut dan garam, termasuk pengekstrakan garam melalui penyejatan air laut atau air masin lain;</i></p> <p><i>(E) pengkuarian batu, pasir dan tanah liat; atau</i></p> <p><i>(F) perkhidmatan sokongan khusus perlombongan atau pengkuarian yang disediakan berdasarkan fi atau kontrak..</i></p>	<p>≥10 pekerja warganegara Malaysia</p>	<p>1% daripada upah pekerja</p>
		<p>5-9 pekerja warganegara Malaysia (DIBERI PILIHAN SAMADA UNTUK BERDAFTAR ATAU TIDAK)</p>	<p>0.5% daripada upah pekerja</p>

* **pekerja** merujuk kepada **warganegara Malaysia** yang diambil kerja dengan mendapat upah di bawah sesuatu kontrak perkhidmatan dengan seseorang majikan

* **upah** merujuk kepada **gaji pokok + elaun tetap**

Sila kemukakan Borang 1 (Borang Pendaftaran Majikan) dan Borang 1A (Penyata Maklumat Majikan) bersama-sama dokumen sokongan (rujuk senarai semak Lampiran 1) melalui pos, kurier atau serahan tangan ke alamat seperti di bawah;

**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
WISMA HRDF, JALAN BERINGIN
DAMANSARA HEIGHTS
50490 KUALA LUMPUR
(U.P: JABATAN PENDAFTARAN MAJIKAN)**

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdf.com.my atau hubungi **Pusat Panggilan PSMB** di talian **1 800 88 4800**